

ULUH

# Hubungan kaum harmoni ikut perspektif Islam

**Dari Kaca Mata**



**Prof Madya Dr Nazri Muslim**

Pusat Citra Universiti Kebangsaan Malaysia

Islam satu sistem hidup yang bersifat rab-bani dan menganjurkan kepada manusia agar sentiasa berlaku adil dalam setiap tindakan yang diambil.

Islam menyeru agar meletakkan sesuatu pada tempat yang sewajarnya, memberikan hak kepada yang berhak menerimanya serta meng-hukum manusia yang bersalah dengan hukum setimpal tanpa membezakan antara ma-nusia, antara perkara sangat ditekankan dalam ajaran Islam.

Seperti Islam memberikan penekanan kepada kedamaian hidup individu, baik daripada aspek fizikal dan mental seseorang, Islam juga melalui sistem hidupnya menggalakkan keharmonian masyarakat dan keamanan bersama agar semua manusia dapat menjalankan kehidupan di du-nia dengan aman dan damai.

Konsep persamaan dalam Islam perlu di-asaskan kepada kenyataan bahawa kejadian manusia yang pelbagai etnik, bangsa dan ke-turunan adalah satu fitrah kehidupan yang perlu diterima oleh setiap insan.

## Kepelbagaian etnik lahirkan kepelbagaian budaya

Malah kepelbagaian etnik, bangsa dan ketu-runan yang tentunya melahirkan kepelbagaian budaya, gaya hidup, corak pemikiran serta ke-percayaan dan keyakinan menjadikan hidup ini begitu indah untuk dikongsi bersama.

Asas pemikiran Islam kepada hubungan etnik ialah persamaan antara sesama manusia. Se-mua manusia, biar dari mana asal mahupun keturunan adalah sama sahaja kejadiannya.

Manusia diciptakan Allah dengan sebaik-baik ciptaan berbanding makhluk lain, bebas hidup dan meneruskan kehidupan. Hak itu tidak se-dikitpun terhalang kerana berbeza agama, bang-

sa, keturunan atau minoriti dalam sesebuah negara.

Hak persamaan diletakkan oleh Islam tidak berdasarkan kepada kedudukan mengikut jan-tina, keturunan atau bangsa. Setiap orang lelaki atau perempuan, Islam atau bukan Islam, kaya atau miskin adalah sama.

Mereka ada hak sama untuk hidup sebagai manusia bermaruah, peluang sama untuk men-cari rezeki dan kekayaan di bumi Allah, hak sama untuk mendapatkan pendidikan, ada kedudu-kan sama di sisi undang-undang dan peluang sama untuk melakukan ibadat kepada Allah.

Setiap orang akan diberikan ganjaran dan balasan sama atas perbuatan yang dilakukan. Jelaslah Islam tidak mengiktiraf perbezaan fi-zikal dan lahiriah seperti pangkat, keturunan, etnik dan warna kulit sebagai halangan untuk mendapat perhatian dan perhitungan yang sa-ma daripada Allah.

Terdapat banyak dalil daripada al-Quran dan hadis mengenai prinsip persamaan ini seperti dalam surah al-Isra' 17:70, surah al-Hujurat 49:13 dan khutbah Nabi sewaktu haji al-Wida'.

Dalam surah al-Isra' 17:70, ayat terbabit men-jelaskan bahawa Allah memuliakan anak cucu Adam seluruhnya dengan tidak mengira bangsa dan golongan dan Allah juga telah melebihi mereka daripada makhluk yang lain.

Dalam surah al-Hujurat 49:13 pula, Allah men-erangkan tiada kelebihan di antara satu sama lain mengikut nilai kejadian mereka. Lebih atau kurangnya manusia di sisi Allah sebenarnya diasaskan kepada perbuatan mereka dan sejauh mana mereka menjaga syariat yang ditetapkan oleh Islam.

Menurut Abdul Monir Yaacob, hak persamaan dalam Islam terbahagi kepada dua, iaitu hak Allah dan hak manusia.

Hak Allah merujuk kepada ikatan langsung yang boleh menghubungkan Allah dengan hain-ba-Nya melalui ibadat khusus seperti solat, za-kat, haji dan sebagainya. Hak manusia pula merujuk kepada kedudukan manusia di sisi Allah adalah sama dan Allah telah memuliakan kejadian manusia tanpa mengira agama.

Kebebasan untuk hidup dan meneruskan ke-hidupan yang diberikan Islam kepada mereka berasaskan kepada kenyataan bahawa mereka juga adalah manusia dan sebagai manusia, ke-hormatan mereka adalah terpelihara.